

29 SEP 1996

Mahathir-Israel

MAJLIS KESELAMATAN PBB TIDAK AMBIL KIRA TINDAKAN NETANYAHU, KATA PM

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) gagal mengambil kira segala tindakan Perdana Menteri Isreal yang membangkitkan kemarahan, ketika Majlis itu membuat keputusan.

Perdana Menteri berkata banyak tindakan Benjamin Netanyahu yang bersifat menghasut dan menimbulkan kemarahan rakyat Palestin tidak diambil kira kerana setiap anggota Majlis Keselamatan bimbang dituduh memihak kepada Palestin.

"Kita dapati pendapat yang menyokong Palestin bukan selalunya sama. Ada yang tidak mahu mengambil tindakan terlalu keras.

"Dengan itu, kita dapat persetujuan setakat itu sahaja iaitu setakat meminta (mengarahkan) penutupan sebuah terowong dan memberhentikan perseteruan," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini hari ini sekembalinya daripada lawatan selama 17 hari ke luar negara, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai resolusi PBB yang diluluskan oleh 14 anggota Majlis Keselamatan hari ini yang meminta supaya rundingan Israel-Palestin disambung semula serta merta di bawah rangka proses perdamaian Asia Barat dan melaksanakan segala persetujuan yang dicapai secepat mungkin.

Majlis Keselamatan juga meggesa supaya "dihentikan segera semua tindakan yang memburukkan lagi keadaan dan memberi kesan negatif kepada proses Asia Barat itu".

Dr Mahathir berkata sejak Netanyahu menjadi Perdana Menteri Israel, beliau telah menghalang kehendak rakyat Palestin seperti tidak membenarkan mereka menggunakan lapangan terbang yang dibina oleh Palestin.

Perdana Menteri juga berkata beliau tertarik dengan ucapan Setiausaha Luar Britain, Malcolm Rifkind, di PBB yang menghuraikan satu per satu tindakan Netanyahu yang melanggar perjanjian antara Isreal dan Palestin di Amerika Syarikat, sejak menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau akan terus menyuarakan pendapat Malaysia mengenai isu Palestin "sehingga mereka (PBB) membuat sesuatu mengenainya".

--BERNAMA

ES NAK